

BAB 4

PENUTUP

4.1 Pengenalan

Bab ini akan merumuskan perbincangan dalam tiga bab yang terdahulu. Bab ini kemudiannya akan menyimpulkan perbincangan yang telah dilakukan dalam bab terdahulu. Jurnal ilmiah yang mula terbit beberapa ratus tahun lalu kini telah tiba ke era elektronik. Ahli akademik di seluruh dunia sejak sekian lama sudah menjadi terbiasa dengan p-jurnal iaitu jurnal yang dihasilkan oleh mesin ofset. Dengan kedatangan mikrokomputer, muncullah e-jurnal iaitu jurnal dalam bentuk digital pertama, tetapi kurang popular. Ini berlaku pada sekitar tahun 70-an. Kemudian datang pula CD-ROM, maka CD-ROM mengambil tempat disket sebagai e-jurnal. Bentuk ini menjadi popular kepada kebanyakan perpustakaan. Dan, dengan kedatangan Internet dan Web, e-jurnal menjadi semakin canggih iaitu cepat, mudah dan tersebar luas dalam bentuknya di dalam talian - online.

Sungguhpun demikian, ahli akademik sama ada di Barat maupun di negara ini masih belum menerima sepenuhnya e-jurnal. Buktinya, p-jurnal masih memainkan peranannya sebagai medium komunikasi ilmiah di seluruh dunia. Pada masa yang sama e-jurnal bercambah dengan banyaknya di Internet. Terselit di sana-sini dalam ribuan e-jurnal di merata dunia adalah karya yang digarap oleh ahli akademik negara ini. Dan, pada masa yang sama muncul sungguhpun pada jumlah yang amat kecil e-jurnal yang berakar di negara ini. Jurnal ini dibangunkan di universiti, di agensi awam atau lebih tepat

lagi di Dewan Bahasa dan Pustaka dan malah oleh pihak swasta. Perkembangan ini berbeza dengan apa yang sedang berjalan di Barat yang mana usaha memajukan e-jurnal lebih banyak ditunjangi oleh universiti misalnya Projek Muse di Johns Hopkins University, atau ARL Digital Initiatives Database di University of Illinois. Projek DIEPER dan JASTOR juga digerakkan sebagai sebahagian daripada penyelidikan di universiti di Barat. Senario ini tidak jelas kelihatannya dilakukan di universiti di negara ini.

Kajian ini telah berjaya menjelaskan e-jurnal ilmiah yang telah dibangunkan di negara ini. Tidak seperti di Barat e-jurnal ilmiah di negara ini tidak bermula daripada pengedaran disket dan CD-ROM, sebaliknya terus ke Internet. Hal ini mudah difahami kerana berdasarkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh p-jurnal di negara ini, disket dan CD-ROM mungkin tidak sesuai dari segi kos dan pengedaran.

Kajian ini mendapati terdapat enam judul e-jurnal ilmiah diusahakan di negara ini oleh pelbagai institusi, awam dan swasta. *MJCS* bolehlah dianggap sebagai e-jurnal ilmiah terawal terbit di negara ini iaitu pada 1995, sepuluh tahun selepas versi bercetaknya beredar. Jurnal terbitan FSKTM, Universiti Malaya ini diusahakan sepenuhnya oleh kakitangan akademik fakulti tersebut. Kadar ini agak perlahan jika dilihat dengan apa yang berlaku di Barat sebagaimana yang pernah dilapor dan dicerap oleh McEldowney (1995).

MJCS kemudian disusuli oleh *MLJ*, yang mula terbit pada 1997 dan diusahakan sepenuhnya oleh syarikat swasta. Keadaan ini tidaklah terlalu lewat jika dibandingkan dengan apa yang telah berlaku di Barat sebagaimana yang dilaporkan oleh Harrassowitz (1999) bahawa e-jurnal mula muncul sekitar tahun 1970-an.

JDB terbitan DBP mula beredar di Internet pada 1998 dan diikuti pada 1999 oleh *Akademika* dan *Jurnal Kejuruteraan* kedua-duanya terbitan Penerbit UKM. Sungguhpun jumlahnya kecil, daripada kajian ini terdapat gambaran bahawa e-jurnal ilmiah mempunyai masa depan yang baik. Walau bagaimanapun, masa depan e-jurnal Ilmiah di

Malaysia sangat bergantung kepada sikap ahli akademik terhadapnya, iaitu bagaimana mereka menerimanya sebagai pentas baru dalam komunikasi ilmiah.

Kajian ini membutkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara antara sikap ahli-ahli akademik sama ada dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan dengan rakan-rakan mereka dalam bidang sains, teknologi dan perubatan. Trend yang ditunjukkan oleh dua kelompok ahli akademik ini dalam setiap soalan yang diutarakan kepada mereka adalah sama.

Belum ramai ahli akademik kita menerbitkan karya mereka di dalam e-jurnal di seluruh dunia. Hanya sebelas (7.3%) responden (3 sains sosial dan 8 STP) yang pernah menerbitkan karya mereka di dalam e-jurnal (lihat Jadual 4.5).

Kajian ini mendapati ahli akademik di negara ini membaca dan merujuk e-jurnal sungguhpun tidak ramai yang melanggannya. Dengan ini jelaslah bahawa dengan kehadiran Internet, langganan sudah menjadi semakin tidak penting kepada pembaca kerana pelbagai cara dapat digunakan bagi membuat capaian kepada sesebuah makalah. Sebaliknya inilah dilema baru yang dihadapi oleh penerbit jurnal ilmiah.

4.2 Penyelidikan Lanjutan

Oleh kerana kajian ini dijalankan dalam keterbatasan waktu, sumber kewangan dan tenaga penyelidik, maka terdapat banyak aspek dalam penyelidikan ini yang perlu dilanjutkan lagi bagi mengukuhkan pemahaman tentang kedudukan e-jurnal di negara ini, serta sikap ahli akademik terhadap e-jurnal. Kajian ini memaparkan kedudukan terkini e-jurnal di negara ini. Berdasarkan maklumat ini beberapa kajian lanjutan yang dapat diusulkan termasuklah:

Pertama, kajian lebih terperinci dan berterusan bagi mengenal pasti dan memantau jumlah dan bidang e-jurnal negara kita yang berada di Web sekarang. Seterusnya suatu pangkalan data dapat dibina bagi memantau perkembangannya sebagaimana di lakukan

oleh *ARL Directory*.

Kedua, kajian yang lebih lanjut tentang sikap ahli akademik terhadap e-jurnal perlu dilakukan terutama dalam mengenal pasti keperluan mereka sebagai pengguna jurnal bagi mencari bidang-bidang yang sangat perlu dibangunkan jurnal ilmiah. Usaha mengenal pasti bidang yang kegersangan dari segi jurnal tentu mesti diikuti dengan penerbitan jurnal yang kekurangan bagi menampung jumlah besar makalah yang dihasilkan di negara ini.

Ketiga, kajian yang melibatkan kos dan harga perlu dilakukan pada masa akan datang bagi membuktikan bahawa penerbitan e-jurnal jauh lebih menjimatkan berbanding menerbitkan p-jurnal.

4.3 Kesimpulan

Kajian ini juga menyimpulkan bahawa ahli akademik negara ini mempunyai keyakinan terhadap e-jurnal sebagai sebuah medium yang sesuai bagi perbahasan kesarjanaan, murah, mudah dan pantas. Ini menepati kajian di Barat sebagaimana yang telah diperolehi melalui kajian Roberts (1999) dan Harnad (1996).

Ketakutan yang melanda di Barat bahawa e-jurnal sukar didokumentasikan sebagaimana yang dilaporkan oleh Rusch-Feja (1999) nampaknya tidak berlaku di sini. Sejumlah besar ahli akademik kita sama ada dalam bidang sains sosial mahupun STP berkeyakinan e-jurnal mudah didokumentasikan atau diarkibkan.

Demikian juga halnya dengan ketakutan bahawa kegiatan dan bahan-bahan ilmiah akan tertimbun di bawah segala kegiatan e-dagang dan k-dagang. Nampaknya ahli akademik kita cukup yakin karya mereka jika diletakkan di Internet akan dapat dikesan oleh rakan-rakan sekepakaran di merata dunia.

Senario yang sedang berlaku pada e-jurnal yang tidak digemari di Barat ialah kekerapan berpindah alamat dan bertukar pemilik (Roberts 1999). Pertukaran alamat menyukarkan pencarian, manakala pertukaran pemilik menakutkan pelanggan kerana

pemilik baru gemar memperbaharui syarat langganan terutamanya menaikkan langganan. Pemilik baru juga ada yang memberhentikan terus penerbitan. Akan tetapi, ahli akademik kita dalam kajian ini tidak pula memperlihatkan ketakutan mereka dengan senario ini. Kebanyakan responden tidak percaya bahawa e-jurnal tidak kekal. Mereka bahkan menerima sebagai suatu pentas baru dalam komunikasi ilmiah. Penemuan ini bertentangan dengan apa yang diperolehi dalam kajian Kling & Covi (1995) bahawa sungguhpun semakin banyak e-jurnal diterbitkan, namun belum lagi diterima oleh masyarakat sarjana.

Sebaliknya suatu perkara yang jelas menakutkan ahli akademik negara ini ialah keraguan terhadap amalan yang melibatkan pencabulan ke atas karya dan hak cipta intelektual. Kebimbangan ini pernah juga dilaporkan oleh Harnad (1995). Sememangnya kebanyakan mereka menyedari bahawa amalan dan perbuatan yang tidak beretika seperti menyalin semula, meniru, mengubahsuai, mengalihbahasa teks, imej dan grafik ciptaan seseorang atau yang lebih tepatnya memplagiati karya orang lain dapat dilakukan dengan mudah di Internet. Sejumlah besar responden bersetuju bahawa karya mereka terdedah kepada pelbagai risiko yang melibatkan pencabulan ke atas hak cipta intelektual.

Sebagai kesimpulan, e-jurnal belum tumbuh dengan subur di negara ini namun ahli akademik negara ini menerima e-jurnal sebagai medium baru komunikasi ilmiah bagi menggantikan p-jurnal.

Semua ini bukan sahaja membuktikan hipotesis kajian ini malahan memberi jaminan kuat akan masa depan yang cerah bagi pertumbuhan e-jurnal di negara ini.